

**LITERATURE REVIEW OF HARF AL-JAR LETTER TRANSLATION STRATEGIES  
IN MALAY LANGUAGE**

**TINJAUAN LITERATUR STRATEGI TERJEMAHAN HARF AL-JAR DALAM  
BAHASA MELAYU**

SITI ZUBAIDAH ZULKIFLI<sup>1</sup> & NURAZAN MOHMAD ROUYAN<sup>2</sup>

<sup>1-2</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin

Corresponding author: [sitizubaidah957.sz@gmail.com](mailto:sitizubaidah957.sz@gmail.com)

*Received: 08 April 2022*

*Accepted: 20 April 2022*

*Published: 30 June 2022*

**Abstract:** *The field of Arabic-Malay translation is still not well received among Arabic students and translators, as is the development of the study of the translation of harf al-jar letters in the Malay language. In fact, the development of Arabic-Malay translation activities is not as fast as other language translation activities. In addition, most Arabic students and translators are still unable to distinguish the function and meaning of harf al-jar letters and are still weak in their proficiency in harf al-jar letters when translating Arabic texts. Therefore, this study aims to identify previous studies related to the strategy of translating harf al-jar letters into Malay, in addition to identifying the research methodology used in translating al-jar letters into Malay. This study was conducted in a qualitative form through a literature review. Data collection is done through a literature review that includes journal articles, theses, dissertations, books, and seminar papers related to the research topic. The data obtained were analyzed descriptively with the help of ATLAS.ti 9.0 software. The findings of the study show that there are several studies on the translation of harf al-jar letters that use various translation strategies. However, previous studies related to the translation of harf al-jar letters as well as strategies for translating harf al-jar letters into Malay are still lacking. Most previous studies only focus on some translation strategies and do not involve all harf al-jar letters. Meanwhile, the research methodology used by researchers in previous studies focused more on a qualitative approach. Accordingly, this study suggests that the translation of harf al-jar letters should be given more attention so that this study and other similar studies can be used as a guide and reference for students and Arabic-Malay translators. In addition, the findings of this study also suggest that the study approach in the form of mixed methods, was also expanded in studies related to the translation of harf al-jar, particles, or Arabic phrases into Malay.*

**Keywords:** *Translation, Translation strategy, Literature review, harf al-jar*

**Abstrak:** Bidang penterjemahan Arab-Melayu masih lagi kurang mendapat sambutan begitu juga perkembangan bidang kajian penterjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu. Malah, perkembangan aktiviti bidang penterjemahan Arab-Melayu ini tidak serancak aktiviti terjemahan bahasa lain. Di samping itu, sebahagian besar pelajar bahasa Arab mahupun penterjemah masih belum dapat membezakan fungsi dan makna *harf al-jar* dan masih lemah dalam penguasaan *harf al-jar* ketika menterjemah teks Arab. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti kajian lepas berkaitan strategi penterjemahan *harf al-jar* ke dalam bahasa Melayu, selain mengenal pasti metodologi kajian yang digunakan dalam menterjemahkan *harf al-jar* ke dalam bahasa Melayu. Justeru, kajian ini dilakukan dalam bentuk kualitatif menerusi tinjauan literatur. Pengumpulan data dilakukan melalui tinjauan

literatur yang merangkumi artikel jurnal, tesis, disertasi, buku, dan kertas kerja seminar berkaitan tajuk kajian. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dengan bantuan perisian ATLAS.ti 9.0. Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa kajian berhubung penterjemahan *harf al-jar* yang menggunakan strategi terjemahan yang pelbagai. Namun begitu, kajian lepas berkaitan penterjemahan *harf al-jar* serta strategi penterjemahan *harf al-jar* ke dalam bahasa Melayu masih kurang. Kebanyakan kajian terdahulu hanya menfokuskan kepada beberapa strategi terjemahan dan tidak melibatkan kesemua *harf al-jar*. Manakala, metodologi kajian yang digunakan oleh para pengkaji dalam kajian terdahulu lebih berfokuskan kepada pendekatan kualitatif. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar penterjemahan *harf al-jar* diberi lebih perhatian agar kajian ini dan kajian lain yang seumpamanya boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada para pelajar dan penterjemah Arab-Melayu. Selain itu, dapatan kajian ini turut menyarankan agar pendekatan kajian berbentuk kaedah campuran, turut diperkembangkan lagi dalam kajian berkaitan penterjemahan *harf al-jar*, partikel atau frasa bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.

**Kata kunci:** Penterjemahan, Strategi penterjemahan, Tinjauan literatur, *harf al-jar*

**Cite this article:** Siti Zubaidah Zulkifli & Nurazan Mohmad Rouyan. (2022). Tinjauan literatur strategi terjemahan *harf al-jar* dalam Bahasa Melayu. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 2 (2), p. 430-440.

## PENGENALAN

Ilmu bidang kajian penterjemahan adalah suatu bentuk kerjaya yang berhubung dengan manusia dan memenuhi keperluan mereka untuk mencapai dunia baru yang selama ini dihalang oleh bahasa ibunda mereka (Juliane, 2009). Bidang penterjemahan bertindak sebagai pengantara bahasa sesebuah masyarakat dengan masyarakat lain misalnya melalui bidang kesusasteraan, maka halangan linguistik dan budaya dalam penterjemahan dapat diatasi melalui penterjemahan (Juliane, 2009). Di samping itu, Peter Newmark (1988) memberi pendapat tentang makna penterjemahan adalah suatu kemahiran atau seni yang ingin disampaikan daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Dalam pada itu, sesuatu proses penterjemahan tidak akan berlaku tanpa adanya strategi terjemahan yang teratur bagi menghasilkan kualiti terjemahan yang terbaik. Strategi penterjemahan perlu dikuasai dan digunakan oleh para penterjemah dan pelajar bahasa khususnya secara pelbagai bagi mendapatkan teks yang diterjemahkan sempurna dan boleh difahami oleh pembaca bahasa sasaran. Maka Jaaskelainen (1991) menetapkan pendefinisian tentang strategi penterjemahan adalah satu set peraturan atau pegangan dirumuskan secara longgar yang digunakan oleh penterjemah untuk menghasilkan matlamat yang ditentukan oleh situasi penterjemahan dengan cara yang paling efektif.

Sebagai lanjutan daripada pengetahuan tentang bidang penterjemahan, aktiviti perkembangannya masih lagi kurang mendapat perhatian khususnya aktiviti penterjemahan bahasa Arab dalam bahasa Melayu berbanding bahasa lain dan dilihat masih lagi menurun ekoran kemajuan dunia sains dan teknologi. Menurut Idris Mansor (2019), beliau mengatakan perkembangan kemajuan dunia sains dan teknologi pada hari ini lebih banyak memberi fokus kepada bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu ataupun bahasa Arab. Bertitik tolak daripada kenyataan di atas telah dibuktikan oleh penurunan kajian terjemahan karya sastera sejak tahun 1995 hingga 2012 oleh Norsyuhada dan Maheram (2013) dan menurut mereka

hanya terdapat 23 karya sastra terjemahan bahasa Melayu diterbitkan dalam bahasa Arab manakala 72 karya sastra termasuk bahasa Arab diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Hubungan bahasa sumber dengan bahasa kedua sangatlah berkait rapat dalam bidang penterjemahan. Dalam pada itu, strategi terjemahan merupakan sebahagian utama dalam bidang ini dan para penterjemah yang menterjemahkan teks bahasa sumber perlu menguasainya dengan baik. Menurut Lorsch (2005) strategi sebagai kaedah yang digunakan oleh penterjemah untuk membahagikan permasalahan penterjemahan yang berlaku dalam sesebuah teks bahasa sumber.

Sehubungan dengan itu, aktiviti strategi penterjemahan *nahu* atau tatabahasa seperti *harf al-jar* perlu dititikberatkan walaupun dilihat sebagai perkara mudah namun berbeza fungsi maknanya apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Manakala pengertian *harf al-jar* membawa makna sebagai kata tugas dalam sesuatu ayat (Azman, 2014). Oleh itu, kajian yang dilakukan oleh Azman dan Luqman (2014) mengenai bidang penterjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu perlu diteruskan dan digarap dengan pelbagai mekanisma yang baru dengan lebih mendalam untuk membantu para pelajar dan penterjemah.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan permasalahan utama yang berlaku dalam bidang penterjemahan *harf al-jar* di mana terjemahan yang dilakukan oleh penterjemah mahupun pelajar masih lagi kurang sistematik dan penterjemahan yang dilakukan oleh mereka sangat bebas sehingga kurang menitikberatkan beberapa cabang linguistik yang penting khususnya dalam bidang *nahu* (Mansur, 1991:199). Hal ini demikian kerana, mereka yang menterjemah makna teks yang mengandungi *harf al-jar* di dalamnya masih dilihat tidak teratur dengan meletakkan makna tanpa melihat padanan makna yang sesuai walhal makna semua partikel *harf al-jar* dalam bahasa Melayu sangat banyak. Rentetan daripada itu, kebanyakan penterjemah mahupun para pelajar mempunyai masalah dalam membezakan fungsi *harf al-jar* dan tidak mampu menghasilkan padanan *harf al-jar* yang tepat menyebabkan mereka menghasilkan banyak kesalahan dalam *nahu* dan moral (Luqman, 2014). Senarionya, kelemahan menguasai *harf al-jar* ini berkemungkinan terjadi disebabkan para pelajar atau penterjemah itu sendiri tidak mengambil berat terhadap fungsinya dan hubungan dalam frasa sendi nama. Justeru itu, kaedah kajian yang dilakukan oleh kajian-kajian lepas membawa kepada beberapa persoalan kajian antaranya ialah :

1. Apakah kajian-kajian lepas berkaitan dengan strategi terjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu?
2. Apakah metodologi kajian yang digunakan dalam kajian-kajian lepas berkaitan dengan strategi terjemahan *harf al-jar*?

## OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan persoalan-persoalan kajian di atas, objektif kajian ini ialah :

1. Mengenalpasti kajian-kajian lepas berkaitan dengan strategi terjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu.
2. Mengenalpasti metodologi kajian yang digunakan dalam kajian-kajian lepas berkaitan dengan strategi terjemahan *harf al-jar*.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk tinjauan literatur dengan menganalisis kandungan. Menurut Lexy (2007) pendekatan ini adalah satu prosedur penyelidikan yang membentuk sebuah data gambaran yang boleh diperhatikan. Di samping itu, Rosinah (2011) mengatakan kajian berbentuk kualitatif boleh dilakukan secara analisis deskriptif melalui pencarian maklumat dan pengumpulan data. Dalam pada itu, pengumpulan data dan maklumat yang dilakukan termasuklah artikel jurnal, tesis, disertasi, buku, jurnal, dan banyak lagi berkaitan tajuk kajian. Lanjutan itu, keseluruhan data yang diperolehi kemudian dianalisis secara deskriptif dengan bantuan perisian ATLAS.ti 9.0.

## ANALISIS TINJAUAN LITERATUR

Sejarah kemunculan kajian penterjemahan pada awalnya telah wujud pada tahun 752 M hingga 1258 M (Ijlal, 2018). Seterusnya, perjalanannya disambung pada sekitar tahun 1950-an dan 1960-an bertindak sebagai suatu disiplin ilmu yang bebas (Munday, 2009). Manakala penghasilan teori-teori penterjemahan dan konsep penterjemahan diteruskan sehingga zaman Eugene Nida (1964).

Manakala kajian Snell-Hornby (1990) serta Bassnett dan Lefevere (1990) telah memperkenalkan konsep *the cultural turn* dalam teori penterjemahan (Idris, 2019). Kajian yang berkonsepkan budaya ini turut mendekati penyampaian mesej yang disampaikan dalam terjemahan melibatkan persekitaran budaya yang luas dengan menfokuskan kepada konteks budaya tersebut, sejarah dan norma (Zeng, 2006: p.45). Sementara itu, kajian Sperber dan Wilson (1995) lebih menfokuskan kepada teori relevan dalam menterjemahkan teks. Hasil kajian menunjukkan teori ini memberi manfaat bagi menjelaskan tujuan asal penulis yang melakukannya (Blackmore, 1992).

Mengusul kajian dan teori-teori penterjemahan ini, para pengkaji seperti Muhammad Firdaus dan Maheram (2015) telah meneruskannya di dalam kajian penterjemahan Arab-Melayu. Namun begitu, pada asalnya bidang kajian penterjemahan Arab-Melayu kurang mendapat tumpuan melalui Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-14 dan ketika itu hanya enam kertas kerja sahaja melibatkan kajian terjemahan Arab-Melayu yang diusulkan (Idris, 2019). Kebanyakan kajian penterjemahan Arab-Melayu masih lagi membatasi perbincangan mengenai persoalan linguistik (Idris, 2019). Namun begitu, perjalanan bidang ini perlahan-lahan menarik ramai pengkaji mahupun para penterjemah yang baru melangkah masuk dengan penghasilan karya-karya terjemahan sastera, cerpen dan novel (Ijlal, 2018). Manakala pengkaji pertama yang telah menerbitkan bibliografi terjemahan karya Arab pada tahun 1993 iaitu Muhammad Bukhari Lubis dan beliau menterjemahkan karya Arab tersebut dalam bahasa Melayu (Idris, 2019).

Seterusnya, pada peringkat awal bidang penterjemahan ini meliputi karya terjemahan bahasa Arab yang sebahagiannya telah dicatatkan oleh Idris Mansor (2019) sebanyak 16 buah buku terjemahan antaranya Kitab Hikam karya Ibn Ata Allah dan kitab ini diterjemahkan oleh Tok Pulau Manis. Namun begitu, kajian penterjemahan dalam bidang tatabahasa Arab misalnya kajian terjemahan kata sendi nama atau *harf al-jar* masih kurang mendapat sambutan dan hanya dikaji oleh beberapa pengkaji misalnya Luqman Hakim (2014), dan Azman Che Mat (2014). Selain itu, kajian penterjemahan *harf al-jar* yang dilakukan oleh Luqman Hakim

(2014) dipengaruhi oleh aliran teori dan strategi penterjemahan daripada kajian Newmark (1988), Nida (1964) dan Sperber and Wilson (1995). Dalam pada itu, kajian penterjemahan *harf al-jar* yang dijalankan oleh pengkaji lepas kebanyakannya tidak menyentuh *harf al-jar* secara keseluruhan dan hanya menfokuskan beberapa *harf al-jar* sahaja (Luqman Hakim, 2014), (Azman Che Mat, 2014).

Menurut Luqman Hakim (2014), kajian penterjemahan *harf al-jar* tidak boleh diterjemahkan melalui perkataan demi perkataan dan beliau mendapati kaedah yang dilakukan tidak dapat membantu untuk mendapatkan padanan yang tepat dan sesuai melainkan dalam keadaan yang tertentu dan kajian beliau hanya menglimitasi kepada tujuh jenis *harf al-jar* sahaja iaitu: من، إلى، عن، على، في، الباء، الالم. Oleh itu, kajian lepas ini membuktikan bahawa penggunaan teori dan strategi terjemahan dalam kajian terjemahan *harf al-jar* ini telah banyak digunakan oleh pengkaji lepas. Ini juga membuktikan bahawa walaupun masih ada lagi pelajar mahupun penterjemah mempunyai kesukaran dalam menterjemahkan *harf al-jar* dalam bahasa Arab.

## ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Analisis dapatan kajian tinjauan literatur ini dibahagikan kepada dua tema iaitu mengenalpasti kajian-kajian lepas berkaitan dengan strategi penterjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu dan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian-kajian lepas berkaitan dengan strategi terjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu. Kedua-dua tema ini dinyatakan dalam analisis ini seperti berikut :

### Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Strategi Penterjemahan *Harf Al-Jar* Dalam Bahasa Melayu

Penterjemahan *harf al-jar* melibatkan pelbagai strategi terjemahan perlu dikuasai bagi menterjemah *harf al-jar* yang tidak boleh diterjemahkan secara leksikal (Luqman, 2014). Oleh sebab itu, objektif lain dalam kajian ini bertujuan mengurangkan kesilapan pelajar dalam menterjemahkan teks yang mengandungi *harf al-jar* (Luqman, 2014).

Kajian berkenaan penterjemahan *harf al-jar* telah dilaksanakan oleh beberapa pengkaji dan penyelidik tempatan merangkumi strategi terjemahan, kaedah, teknik, analisis perbandingan dan analisis semantik dan banyak lagi. Antara kajian-kajian lepas yang dijalankan ialah :

Jadual 1: Senarai Kajian Strategi Penterjemahan *Harf al-Jar* dalam bahasa Melayu

Penyelidik	Kajian
Ismail et al (2010)	Memaknakan Terjemahan Frasa Sendi Bahasa Arab ke Bahasa Melayu Berdasarkan Ilmu Sintaksis-semantik
AR Haroon (2010)	Penguasaan partikal" al" bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu
Mohd Shahrizal (2012)	Terjemahan Huruf Jar "Min" Dalam "Al-Quran Al-Karim Mushaf Tajwid": Analisis Terhadap Surah Al-Baqarah
Baharuddin et al (2012)	Analisis kontrasitif struktur asas ayat bahasa Arab dan Melayu

Farah Hanan (2013)	Penterjemahan Kolokasi Kata Kerja Berpreposisi Arab-Melayu Melalui <i>Google Translate</i>
Luqman Hakim et al (2014)	Kepelbagaian Terjemahan Preposisi Arab dan Fungsinya dalam Bahasa Melayu
Azman Che Mat (2014)	<i>Model of Translating Preposition (MTP) of Arabic into Malay</i>
Azman Che Mat (2014)	Kata sendi nama bahasa Arab Terjemahannya ke dalam bahasa Melayu
Mohd Shahrman (2015)	Projek Kamus Penggunaan Kata Sendi Bahasa Arab
Azman Che Mat et al (2016)	Terjemahan Retorik Dalam Preposisi Arab Dalam Teks Al-Qur'an
Luqman Hakim (2017)	الدراسة الدلالية في ترجمة حروف الجر العربية إلى اللغة الملايوية
Nor Azhan (2017)	Analisis Perbandingan Terjemahan Kata Partikel Arab Melayu
Ijlal Saja et al (2018)	Tinjauan Literatur Penterjemahan Karya Sastera Arab dan Melayu

Jadual 2: Senarai Pembahagian Kajian lepas Strategi Penterjemahan *Harf al-Jar* dan Kajian Berkenaan *Harf al-Jar*

<b>Kajian Strategi Penterjemahan <i>Harf al-Jar</i></b>	<b>Kajian berkenaan <i>Harf al-Jar</i></b>
Ismail et al (2010) Memaknakan Terjemahan Frasa Sendi Bahasa Arab ke Bahasa Melayu Berdasarkan Ilmu Sintaksis-semantik	AR Haroon (2010) Penguasaan partikal " al" bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu
Mohd Shahrizal (2012) Terjemahan Huruf Jar “Min” Dalam “Al-Quran Al-Karim Mushaf Tajwid”: Analisis Terhadap Surah Al-Baqarah	Baharuddin et al (2012) Analisis kontrasitif struktur asas ayat bahasa Arab dan Melayu
Luqman Hakim et al (2014) Kepelbagaian Terjemahan Preposisi Arab dan Fungsinya dalam Bahasa Melayu	Farah Hanan (2013) Penterjemahan Kolokasi Kata Kerja Berpreposisi Arab-Melayu Melalui <i>Google Translate</i>
Azman Che Mat (2014) <i>Model of Translating Preposition (MTP) of Arabic into Malay</i>	Azman Che Mat (2014) Kata Sendi Nama bahasa Arab Terjemahannya ke dalam bahasa Melayu
Luqman Hakim (2017) الدراسة الدلالية في ترجمة حروف الجر العربية إلى اللغة الملايوية	Mohd Shahrman (2015) Projek Kamus Penggunaan Kata Sendi Bahasa Arab
	Azman Che Mat et al (2016) Terjemahan Retorik Dalam Preposisi Arab Dalam Teks Al-Qur'an
	Nor Azhan (2017) Analisis Perbandingan Terjemahan Kata Partikel Arab Melayu
	Ijlal Saja et al (2018) Tinjauan Literatur Penterjemahan Karya Sastera Arab dan Melayu

Berdasarkan Jadual 1 dan Jadual 2 di atas, terdapat pelbagai kaedah, strategi dan pendekatan yang telah digunakan dalam kajian-kajian lepas. Sehubungan dengan itu, kajian lepas yang dianalisis oleh Ismail et al (2010) adalah kajian strategi penterjemahan *harf al-jar* melibatkan kajian yang dijalankan bertajuk penterjemahan frasa sendi bahasa Arab ke bahasa Melayu berdasarkan sintaksis dan semantik. Manakala kajian yang dijalankan oleh Mohd Shahrizal (2012) menfokuskan penterjemahan *harf al-jar* (من) dalam mushaf al-quran.

Sementara itu, kajian dalam kepelbagaian terjemahan preposisi Arab dan fungsinya dalam bahasa Melayu lebih mengenalpasti kehadiran *harf al-jar* yang dapat menghasilkan unsur-unsur yang tertentu (Luqman Hakim et al, 2014). Dapatan daripada kajian ini, didapati bahawa terdapat dua kajian yang menfokuskan beberapa *harf al-jar* yang dipilih tanpa mengkaji keseluruhan partikel *harf al-jar*. Selain itu, pendekatan strategi terjemahan turut dinyatakan misalnya dalam kajian Luqman Hakim et al (2014), namun tidak melibatkan kesemua strategi terjemahan dan hanya menfokuskan kepada strategi terjemahan komunikatif.

Jika diteliti dengan lebih mendalam, kajian lepas berkaitan strategi penterjemahan *harf al-jar* dianalisis dengan menggunakan strategi komunikatif, strategi dinamik dan teori relevan yang telah dijalankan oleh Luqman Hakim (2017). Ketiga-tiga strategi ini digunakan untuk mendapatkan keputusan terjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu tidak dapat diterjemahkan secara langsung atau secara leksikal (Luqman Hakim, 2017). Namun begitu, kajiannya berbeza dengan kajian Azman Che Mat (2014) berbentuk model penterjemahan *harf al-jar* yang hanya dijadikan sebagai rujukan kepada penterjemah dan para pelajar. Di sebalik itu, kajian lain yang bertajuk kata sendi nama bahasa Arab, terjemahannya ke dalam bahasa Melayu hanya menerangkan contoh-contoh kepada pelajar dan penterjemah dan kajian ini tidak menerangkan tentang teori dan strategi terjemahan (Azman Che Mat, 2014). Hasil dapatan kajian di atas, kajian yang menfokuskan secara khususnya tentang strategi penterjemahan *harf al-jar* melibatkan beberapa strategi terjemahan adalah kajian daripada (Luqman Hakim, 2017).

Sejajar dengan itu, terdapat kajian yang tidak menfokuskan kajian strategi penterjemahan *harf al-jar* namun hanya memberi fokus kepada *harf al-jar* sahaja. Berdasarkan kajian di dalam jadual di atas ialah kajian tentang penguasaan partikel “al” bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu oleh AR Haroon (2010 :52-65) dan dalam kajian ini beliau turut menerangkan tentang konsep frasa genitif frasa *harf al-jar* dan hubungannya dengan partikel *harf al-jar*. Di samping itu, kajian analisis perbandingan tentang struktur ayat *nahu* bahasa Arab turut menyatakan tentang konsep partikel *harf al-jar* dalam struktur ayat dan tidak membicarakan tentang strategi terjemahan bagi setiap partikel yang dinyatakan (Baharuddin et al ,2012 :61). Seterusnya, Farah Hanan (2013) menjalankan tentang kajian terjemahan kolokasi kata kerja berpreposisi dan kajian ini hanya menfokuskan kepada makna preposisi dalam bahasa Melayu dengan menggunakan *Google Translate*.

Sementara itu, kelainan kajian yang ditunjukkan oleh Mohd Shahrizan (2015) dengan mengumpul contoh-contoh terjemahan penggunaan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu dan dijadikan kamus untuk para pelajar sebagai panduan dan rujukan ketika menterjemah teks atau ayat. Dalam pada itu, kajian daripada Azman Che Mat (2016) membuat perbezaan dengan menjalankan analisis semantik bagi *harf al-jar* (في) dan (على) dalam mushaf al-quran dengan


menggunakan ilmu retorik. Manakala kajian yang dijalankan oleh Nor Azhan (2017 :73-74) membandingkan tentang kepelbagaian makna partikel *harf al-jar* dalam bahasa Melayu berdasarkan Kamus Idris Al-Marbawi (KIAM) dan Kamus Besar Arab Melayu (KBAM). Selain itu, Ijlal Saja et al (2018) menyediakan kajian berbentuk tinjauan literatur dengan mengumpul kajian-kajian lepas berkenaan penterjemahan Arab-Melayu termasuklah kajian lepas berkenaan penterjemahan *harf al-jar*.

Kebanyakan kajian-kajian lepas yang mengkaji tentang strategi penterjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu tidaklah banyak dan hanya lima kajian sahaja dapat disimpulkan menggunakan strategi penterjemahan *harf al-jar*. Manakala pengumpulan dapatan kajian ini diharapkan dapat menghasilkan kajian baru oleh pengkaji akan datang tentang penterjemahan *harf al-jar*.

**Metodologi Kajian Yang Digunakan Dalam Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Strategi Penterjemahan *Harf Al-Jar***

Dapatan kajian lepas dikumpul dan dikaji melalui penggunaan metodologi kajian. Justeru itu, analisis melalui metodologi kajian dijalankan bertujuan melihat corak kajian-kajian lepas dan metodologi kajian yang manakah sesuai dijalankan pada masa akan datang.

Pembahagian metodologi kajian dibahagikan kepada kaedah kualitatif, kaedah kuantitatif dan kaedah gabungan. Secara keseluruhan adalah seperti rajah di bawah :-



Rajah 1: Pemetaan Analisis Tinjauan Literatur Strategi Penterjemahan *Harf al-Jar*



Berdasarkan rajah di atas, kajian-kajian lepas berkaitan strategi penterjemahan *harf al-jar* dan kajian berkenaan *harf al-jar* yang menggunakan analisis kaedah kualitatif ialah kajian terjemahan frasa sendi bahasa Arab mengikut ilmu sintaksis dan semantik oleh Ismail et al (2010), analisis terjemahan *harf al-jar* (من) dalam surah al-baqarah (Mohd Shahrizal, 2012), analisis kontrastif struktur asas ayat bahasa Arab dan Melayu (Baharuddin et al, 2012), penterjemahan kolokasi kata kerja berpreposisi Arab-Melayu melalui Google Translate (Farah Hanan, 2013), kepelbagaian terjemahan preposisi Arab dan fungsinya dalam bahasa Melayu (Luqman Hakim et al, 2014), kajian kata sendi nama bahasa Arab terjemahannya ke dalam bahasa Melayu dan *Model of Translating Preposition (MTP) of Arabic into Malay* (Azman Che Mat, 2014). Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Azman Che Mat et al (2016) iaitu terjemahan retorik preposisi Arab dalam teks al-quran, kajian makna dalam terjemahan *harf al-jar* dalam bahasa Melayu oleh Luqman Hakim (2017), tidak ketinggalan juga kajian analisis perbandingan terjemahan kata partikel bahasa Arab dalam bahasa Melayu (Nor Azhan, 2017), dan tinjauan literatur penterjemahan karya sastera bahasa Arab dan Melayu (Ijlal Saja et al, 2018).

Di samping itu, kajian lepas yang menggunakan kaedah kuantitatif hanyalah kajian penguasaan partikel (al) bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu oleh AR Haroon (2010) yang menfokuskan pelajar Melayu sebagai sampel data dalam kajian tersebut. Manakala kajian gabungan dua kaedah iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif ialah kajian yang bertajuk projek kamus penggunaan kata sendi bahasa Arab dan kajian ini dijalankan oleh Mohd Shahrizan (2015). Jika dilihat daripada analisis ini, kekurangan dalam kajian kuantitatif dan kajian gabungan menunjukkan kajian ini masih belum dijalankan secara meluas.

Hasil analisis berkenaan metodologi kajian yang banyak digunakan ialah kajian kualitatif. Kajian ini mungkin dilihat mudah oleh pengkaji lepas dengan bersumberkan data yang diperoleh melalui kajian perpustakaan. Namun demikian, kaedah kuantitatif dan kaedah gabungan dilihat masih belum berkembang lagi. Oleh itu, dapatan kajian memberi petunjuk kepada para penyelidik akan datang menggunakan kaedah kuantitatif dan kaedah gabungan dalam kajian penterjemahan *harf al-jar*.

## **KESIMPULAN**

Konklusinya, kebanyakan kajian lepas hanya mengkaji dan membincangkan tentang pendekatan, analisis perbandingan, penggunaan dan strategi terjemahan *harf al-jar* yang boleh dilakukan oleh para pelajar dan penterjemah ketika menterjemah ke dalam bahasa Melayu. Dalam pada itu, kehadiran kajian-kajian lepas dapat memberi panduan kepada pelajar dan penterjemah ketika menterjemah teks. Namun begitu, pendedahan terhadap strategi penterjemahan *harf al-jar* masih kurang dijalankan oleh para penyelidik.

Seiring dengan itu, analisis tinjauan literatur daripada aspek metodologi kajian mendapati bahawa kebanyakan kajian-kajian lepas banyak menggunakan kaedah kualitatif. Hasil dapatan ini menunjukkan kaedah kuantitatif dan kualitatif perlu diperluaskan penggunaannya dan kajian terhadap para pelajar mahupun penterjemah.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar kajian penterjemahan Arab-Melayu terus dikaji daripada aspek strategi penterjemahan *harf al-jar* yang tidak banyak dikaji dalam kajian-kajian lepas. Selain itu, penggunaan kaedah kajian gabungan ini dapat menambahkan dapatan kajian dengan lebih dipercayai berbanding menggunakan satu kaedah sahaja. Akhirnya, pengkaji

berharap dapatan kajian ini dapat menghasilkan impak yang positif kepada pelajar dan penterjemah dalam menceburi bidang penterjemahan.

## RUJUKAN

- Aminallah, F. H. (2013). *Penterjemahan kolokasi kata kerja berpreposisi Arab-Melayu melalui Google translate* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Azman Che Mat, (2014b). *Kata Sendi Nama Bahasa Arab: Terjemahannya ke Dalam Bahasa Melayu*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bassnett, S., & Lefevere, A. (Eds.). (1990). *Translation, history, and culture*. Burns & Oates
- Blackmore III, J. H. (1992). *Fernao Lopes and the writing of history in the "Cronica de D. Joao I"*. Harvard University.
- Baharuddin, S. (2012). *Analisis kontrastif struktur asas ayat bahasa Arab dan Melayu/Baharuddin Shahman* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Emad, A. L. Y., Can, A. H & ,Betül, C. A. N. (2020). *دراسة صيغة الفعل في تفسير البيضاوي: نماذج مختارة من حاشية الشهاب وحاشية القنوي. Karamanoğlu Mehmetbey Üniversitesi Uluslararası Filoloji ve Çeviribilim Dergisi*.125-101 ,(1)2 ,
- Edinin, R. (2011). *Penyelidikan tindakan: Kaedah dan penulisan*. Freemind Horizons.
- Ghazala. Hasan, Al-Jâmi' fi al-Tarjamat, al-Tarjamat al-Kâmilat: A Textbook of Translation li Peter Newmark, 2006.
- Haroon, A. R. (2010). *Penguasaan partikal" al" bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu/Ahmad Rushdi bin Haji Haroon* (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Hermans, T. (2002). Paradoxes and Aporias in Translation. *Translation studies: Perspectives on an emerging discipline*, 10.
- House, J. (2009). *Introductions to language study: Translation*
- Lafevere A. (1992). *Translation, rewriting and the manipulation of literary fame*. London: Routledge.
- Lörscher, W. (2005). The translation process: Methods and problems of its investigation. *Meta: journal des traducteurs/Meta: Translators' Journal*, 50(2), 597-608.
- Luqman, M. I. H. B. M. (2017). Saad dan Marahaini Ahmad. "Ad-Dirasah ad-Dilaliyah fi Tarjamah Huruf al-Jarr al-,Arabiyah ila al-Lughah al-Maliziyah". *Arabiyat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*, 4(2).
- Muhamad, I., & Mat, A. C. (2010). Memaknakan terjemahan frasa sendi Bahasa Arab ke Bahasa Melayu berdasarkan ilmu sintaksis-semantik. *Islamiyyat*, 32, 115-134
- Mat, A. C. (2014). Model of translating preposition (MTP) of Arabic into Malay. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(23), 2420.
- Muhammad, A. (1994). *Panduan menterjemah*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad. (2012). Strategi Penterjemahan Kata Sendi Nama Arab Ke Bahasa Melayu: Satu Analisis Diskriptif Dan Semantik Dalam Novel "Masrur Dan Makrur". Ijazah Sarjana: Universiti Malaya.
- Moleong Lexy, J. (2007). *Qualitative Research Methodology*. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Munday, J. (2009). *The Routledge companion to translation studies*. Routledge.
- Muhammad Firdaus, Abdul Manaf& Maheram Ahmad. (2015). Perbandingan Teori Penterjemahan Arab-Melayu. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS* 8(2): 192-210
- Mohd Shahrizal, N., & Kamarul Shukri, M. T. (2012). Terjemahan Huruf Jar? Min? dalam al-Qur? an al-Karim Mushaf Tajwid: Analisis Terhadap Surah al-Baqarah

- Mat, A. C., & bin Nokman, A. Z. (2016). Translation of rhetoric in Arabic preposition in the text of Al-Qur'an. *Humaniora*, 7(3), 287-292.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of translation*. Hempstead, NY: Prentice Hall
- Noorsyuhada Mohamed Salleh & Maheram Ahmad. (2013). Tinjauan Literatur Penterjemahan Novel Melayu Ke Bahasa Arab. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2013) pada 13 November 2013
- Nida, E. A. (1964). *Toward a science of translation*. Leiden: Brill.
- Omar, W. A. H. W., & Mansor, I. (2019). Pemerhatian terhadap terjemahan teks sejarah Islam ke dalam bahasa melayu. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 4(2), 265-281.
- Omar, H. C., & Awang, R. (Eds.). (2009). *Kelestarian bidang penterjemahan*. ITBM.
- Sa, M. L. I. H. M., Hajimaming, P., & Hamzah, Z. A. Z. (2014). Kepelbagaian Terjemahan Preposisi Arab dan Fungsinya dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 18(2).
- Saja, I., Ahmad, M., & Zailani, S. (2018). Tinjauan Literatur Penterjemahan Karya Sastra Arab dan Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 1(1), 21-32.
- Snell-Hornby, M. (1990). Dynamics in meaning as a problem for bilingual lexicography. *Meaning and Lexicography*, 209-226.
- Universiti Malaysia Kelantan, P. P. B. P. I. (2015). Projek Karnus Penggunaan Kata Sendi Bahasa Arab. *PROSIDING PERSIDANGAN KEBANGSAAN BAHASA ARAB 2015*, 72-77.
- Wilson, D., & Sperber, D. (2002). Relevance theory.
- Yu, M., Sha, H., Gao, Y., Zeng, H., Zhu, M., & Gao, X. (2006). Alternative 3' UTR polyadenylation of Bzw1 transcripts display differential translation efficiency and tissue-specific expression. *Biochemical and biophysical research communications*, 345(1), 479-485.